


Jilid III  
Bil. 14



Hari Isnin  
9hb Julai, 1973

MALAYSIA

## PENYATA RASMI

OFFICIAL REPORT

DEWAN RAKYAT  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

PARLIMEN KETIGA  
*Third Parliament*

PENGGAL PARLIMEN KETIGA  
*Third Session*

### KANDUNGANNYA

**PENGUMUMAN YANG DI-PERTUA:**

Memperkenankan Rang Undang-undang [Ruangan 1579]  
Perutusan daripada Dewan Negara [Ruangan 1580]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 1581]**

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT [Ruangan 1616]**

**USUL-USUL:**

Akta Kastam, 1967—

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 13), 1973 [Ruangan 1619]

Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) [Ruangan 1620]

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat [Ruangan 1680]

Ucapan Penangguhan (Cuti Belajar bagi Guru-guru) [Ruangan 1686]

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) [Ruangan 1621]

MALAYSIA  
**DEWAN RAKYAT YANG KETIGA**

*Penyata Rasmi*

**PENGGAL YANG KETIGA**

---

Hari Isnin, 9hb Julai, 1973

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

**YANG HADIR :**

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, P.M.N., S.P.M.P., J.P., Datuk Bendahara Perak
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N., K.O.M. (Pekan).
- „ Timbalan Perdana Menteri, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUN DR ISMAIL AL-HAJI BIN DATUK HAJI ABDUL RAHMAN, S.S.M., P.M.N., S.P.M.J. (Johor Timur).
- Yang Berhormat Menteri Kewangan, TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).
- „ Menteri Perpaduan Negara, TUN V.T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungei Siput).
- „ Menteri Perhubungan, TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N., S.P.M.K., S.P.M.J. (Pontian Utara).
- „ Menteri Hal Ehwal Sarawak, TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K., P.N.B.S., O.B.E., Q.M.C. (Ulu Rajang).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Kelang).
- „ Menteri Pertanian dan Perikanan, TAN SRI HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M., P.N.B.S. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Melaka Utara).
- „ Menteri Kerja Raya dan Tenaga, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Kota Bharu Hulu).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Raub).
- „ Menteri Pelajaran, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., P.I.S., M.B.E. (Johor Bahru Timur).

- Yang Berhormat Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Penerangan, TAN SRI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan, DATUK ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD, S.M.J. (Pontian Selatan).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri dan Timbalan Menteri Pertahanan, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDDEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu Hilir).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD (Langat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, DATUK WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kemajuan Tanah, TUAN MOHAMED BIN UJANG, A.M.N., P.J.K. (Jelebu-Jempol).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED BIN RAHMAT, K.M.N. (Johor Bahru Barat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Krian Darat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Rembau-Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pertanian dan Perikanan, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ NIK ABDUL AZIZ BIN HAJI NIK MAT, J.P. (Kelantan Hilir).
- „ DATUK DR HAJI ABDUL AZIZ BIN OMAR, D.J.M.K., J.M.N., J.M.K., S.M.K. (Tumpat).
- „ DATUK HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, P.N.B.S. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ TUAN AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Melaka Selatan).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SA'ID, J.P. (Seberang Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD DAMANHURI BIN HAJI ABDUL WAHAB, P.M.P., P.J.K. (Hilir Perak).
- „ TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K. (Ulu Kelantan).

- Yang Berhormat PUAN BIBI AISHAH BINTI HAMID DON, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).
- „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- „ TUAN AZAHARI BIN MOHD. TAIB, S.M.K., J.S.M., A.M.N., J.P. (Sungei Patani).
- „ DATUK PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, Q.M.C., P.N.B.S., P B.S. (Julau).
- „ TUAN BOJENG BIN ANDOT (Simunjan).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).
- „ AWANG BUNGSU BIN ABDULLAH (Limbang-Lawas).
- „ TUAN HAJI AWANG WAL BIN AWANG ABU (Santubong).
- „ TUAN CHAN FU KING (Telok Anson).
- „ TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ TUAN CHAN YOON ONN (Ulu Kinta).
- „ TUAN CHEN KO MING, A.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban Timur).
- „ TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).
- „ DR CHU CHEE PENG (Kluang Selatan).
- „ TUAN VALENTINE COTTER *alias* JOSEPH VALENTINE COTTER (Bau-Lundu).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Pulau Pinang Utara).
- „ TUAN V. DAVID (Dato Kramat).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang-Lupar).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Kampar).
- „ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- „ TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- „ TUAN THOMAS SELVARAJ GABRIEL (Pulau Pinang Selatan).
- „ TUAN GOH HOCK GUAN (Bungsar).
- „ TUAN HANAFIAH HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- „ TUAN HASHIM BIN GERA (Parit).
- „ TUAN RICHARD HO UNG HUN (Sitiawan).
- „ TUAN HOR CHEOK FOON (Damansara).
- „ TUAN HUSSAIN BIN HAJI SULAIMAN (Besut).
- „ TAN SRI SYED JAAFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).
- „ DATUK KHOO PENG LOONG, P.N.B.S., O.B.E. (Bandar Sibul).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Batu Gajah).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Bandar Melaka).
- „ TUAN LOH JEE MEE (Batang Padang).
- „ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Setapak).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Sandakan).
- „ TUAN ANDREW MARA ANAK WALTER UNJAH (Betong).

- Yang Berhormat TUAN HAJI MAWARDI BIN LEBAI TEH (Kota Star Utara).
- „ DR MOHAMED BIN TAIB, P.M.K., P.J.K. (Kuantan).
- „ TUAN MOHAMED ARIF BIN SALLEH, A.D.K. (Sabah Dalam).
- „ TUAN HAJI MOHD. CHIK JOHARI ONDU MAJAKIL (Labuan-Beaufort).
- „ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Kuala Trengganu Selatan).
- „ TUAN MOHD. NOR BIN MD. DAHAN, A.M.N., J.P. (Ulu Perak).
- „ TAN SRI MOHAMMAD SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Darvel).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN HAJI ABDUL MANAN (Kapar).
- „ TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ENSKU ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Trengganu Tengah).
- „ WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL, J.S.M. (Perlis Selatan).
- „ TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Pasir Mas Hilir).
- „ TUAN MUSTAPHA BIN HUSSAIN (Seberang Tengah).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., J.M.N., D.P.M.J., P.I.S. (Muar Dalam).
- „ TUAN NG HOE HUN (Larut Selatan).
- „ RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, S.M.S., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ PENGARAH RAHUN ANAK DEBAK (Serian).
- „ TUAN R. C. M. RAYAN *alias* R.C. MAHADEVA RAYAN (Ipoh).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S. (Muar Pantai).
- „ DR S. SEEVARATNAM, P.J.K. (Seremban Barat).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN, P.D.K. (Kuala Kedah).
- „ TUAN HAJI SHAFIE BIN HAJI ABDULLAH, A.M.N., B.C.K. (Baling).
- „ TUAN SOH AH TECK, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ DR A. SOORIAN (Port Dickson).
- „ TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- „ TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kimanis).
- „ TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N., P.J.K. (Kulim-Bandar Bharu).
- „ DATUK TAJUDIN BIN ALI, D.P.M.P., P.J.K. (Larut Utara).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).

- Yang Berhormat TUAN TIAH ENG BEE, P.I.S. (Kluang Utara).  
 „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).  
 „ TUAN TIBUOH ANAK RANTAI (Rajang).  
 „ TUAN TING MING KIONG (Bintulu).  
 „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Kanowit).  
 „ TUAN V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).  
 „ TUAN YEH PAO TZU, A.M.N. (Tawau).  
 „ TUAN YEOH TECK CHYE (Bukit Bintang).  
 „ TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Padawan).

YANG TIADA HADIR :

- Yang Berhormat Menteri Tak Berpotfolio, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI  
 (Kedah Tengah).  
 „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSA  
 HITAM (Segamat Utara).  
 „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI ALMARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN,  
 P.P.T. (Rawang).  
 „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Sabah Selatan).  
 „ TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kubang Pasu Barat).  
 „ TUAN AJAD BIN O. T. UYONG (Labuk-Sugut).  
 „ CHEGU BAUDI BIN UNGGUT (Bandau).  
 „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).  
 „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).  
 „ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).  
 „ TUAN LUHAT WAN (Baram).  
 „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O.,  
 O.B.E. (Marudu).  
 „ DATUK PANG TET TSHUNG, P.D.K. (Kota Kinabalu).  
 „ DATUK SRI S. P. SEENIVASAGAM, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P., J.P.  
 (Menglembu).  
 „ DATUK JAMES WONG KIM-MIN, P.N.B.S. (Mjri-Subis).  
 „ TUAN HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH *alias* HAJI YUSOF RAWA  
 (Kota Star Selatan).  
 „ TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K.  
 (Pasir Mas Hulu).

YANG HADIR BERSAMA :

- Yang Berhormat Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., P.J.K.  
 (Dilantik).  
 „ Menteri Kebajikan Am, PUAN AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI,  
 J.M.N. (Dilantik).

## DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

PENGUMUMAN YANG DI-  
PERTUAMEMPERKENANKAN  
RANG UNDANG-UNDANG

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Dewan iaitu Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenaan mempersetujui Akta-akta yang telah diluluskan oleh Dewan Parlimen dalam mesyuarat yang lalu. Akta-akta itu ialah seperti berikut:

- (1) Akta Perlembagaan (Pindaan), 1973;
- (2) Akta Pertubuhan Peladang, 1973;
- (3) Akta Lembaga Pertubuhan Peladang, 1973;
- (4) Akta Pencen Balu dan Anak Yatim (Sabah) (Pindaan) (No. 2), 1973;
- (5) Akta Instituit Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Pindaan), 1973;
- (6) Akta Lembaga Kemajuan Perusahaan Haiwan Negara (Pindaan), 1973;
- (7) Akta Perusahaan Sekuriti, 1973;
- (8) Akta Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (Pindaan), 1973;
- (9) Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Pindaan), 1973;
- (10) Akta Kilang dan Jentera (Pindaan), 1973;
- (11) Akta Dadah Berbahaya (Pindaan), 1973;
- (12) Akta Pemegang Amanah Raya (Pindaan), 1973;
- (13) Akta Kawalan Bekalan (Pindaan), 1973;
- (14) Akta (Perbadanan) Good Shepherd Nuns, 1973;
- (15) Akta Kesatuan Sekerja (Pindaan), 1973;
- (16) Akta Cukai Jualan (Pindaan), 1973;
- (17) Akta Pejabat Pos (Pindaan), 1973; dan
- (18) Akta Lembaga Tembakau Negara (Perbadanan), 1973.

PERUTUSAN DARIPADA  
DEWAN NEGARA

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Dewan Negara yang menyatakan persetujuan Dewan ini kepada Rang Undang-undang yang telah diserahkan oleh Dewan Rakyat tempoh hari.

Sekarang saya jemput Setiausaha membacakan perutusan itu.

*(Setiausaha membacakan Perutusan)*

“Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat,

Dewan Negara telah mempersetujui Rang Undang-undang yang berikut tanpa pindaan:

- (1) Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan);
- (2) Rang Undang-undang Pertubuhan Peladang;
- (3) Rang Undang-undang Lembaga Pertubuhan Peladang;
- (4) Rang Undang-undang Pencen Balu dan Anak Yatim (Sabah) (Pindaan) (No. 2);
- (5) Rang Undang-undang Instituit Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Pindaan);
- (6) Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Perusahaan Haiwan Negara (Pindaan);
- (7) Rang Undang-undang Perusahaan Sekuriti;
- (8) Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (Pindaan);
- (9) Rang Undang-undang Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Pindaan);
- (10) Rang Undang-undang Kilang dan Jentera (Pindaan);
- (11) Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan);
- (12) Rang Undang-undang Pemegang Amanah Raya (Pindaan);
- (13) Rang Undang-undang Kawalan Bekalan (Pindaan);
- (14) Rang Undang-undang (Perbadanan) Good Shepherd Nuns;
- (15) Rang Undang-undang Kesatuan Sekerja (Pindaan);

- (16) Rang Undang-undang Cukai Jualan (Pindaan);
- (17) Rang Undang-undang Pejabat Pos (Pindaan); dan
- (18) Rang Undang-undang Lembaga Tembakau Negara (Perbadanan).

Tandatangan:

*Yang di-Pertua Dewan Negara*''.

## JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

### LEMBAGA PADI DAN BERAS NEGARA

1. Tuan Haji Mawardi bin Lebai Teh (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan adakah benar bahawa:

- (a) Lembaga Padi dan Beras Negara (L.P.N.) mengurus hanya satu peratus sahaja dari semua pengedaran padi dan beras dalam negeri ini; dan
- (b) bahawa harga-harga beras dan padi walaupun telah ditetapkan oleh Kerajaan tetapi harga sebenarnya adalah ditentukan oleh tokoh-tokoh padi dan beras yang memiliki 99 peratus dalam bidang pembahagian padi dan beras dalam negeri ini. Jika benar, nyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mengambil alih semua pembahagian padi dan beras dalam negeri ini.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Lembaga Padi dan Beras Negara (L.P.N.) memperniagakan beras sebanyak 1.46% daripada pengeluaran beras di negara kita. Perniagaan ini adalah terhad kepada pengeluaran beras daripada tiga buah kilang mengisar beras L.P.N. yang terletak di Kota Bharu, Sabak Bernam dan di Kedah. Pengeluaran kesemua kilang ini berjumlah sebanyak 280,500 pikul setahun berbanding dengan pengeluaran beras di negara sebanyak 19.4 juta pikul pada tahun yang lepas.
- (b) Kerajaan tidak menetapkan harga maksima bagi padi yang dibeli oleh mana-mana pembeli yang berlesen. Tetapi Kerajaan telah menetapkan bahawa Harga Minima Terjamin atau G.M.P.—Guaranteed Minimum Price—

ialah \$16 sepikul bagi padi yang kering dan bersih. Ini bermakna petani-petani yang mengeluarkan padi ialah terjamin bahawa padi mereka dibeli tidak kurang daripada Harga Minima Kerajaan itu. Walaubagaimanapun, bagi musim hadapan, musim kedua yang sedang bermula sekarang ini, Kerajaan telah bersetuju supaya Lembaga Padi dan Beras Negara (L.P.N.) membeli padi dengan harga pasaran terbuka iaitu (i) beras jenis pendek seperti Taupeh, Mahsuri Biasa dan Kedah No. 3—berharga \$19 sepikul bagi yang kering dan bersih; (ii) bagi jenis sederhana seperti Mahsuri Istimewa dan Kedah No. 2 berharga \$21 sepikul bagi yang kering dan bersih; (iii) bagi jenis panjang seperti Bahagia, Kedah No. 1 dan Jaya—berharga \$23 sepikul bagi padi yang kering dan bersih.

Ini adalah harga-harga yang kurang-kurangnya yang petani-petani boleh mendapat di musim hadapan memandangkan bahawa harga beras di masa ini adalah lebih tinggi daripada masa-masa yang lampau. Tetapi kalau pihak swasta terutamanya pengilang-pengilang berani membeli lebih daripada harga yang saya sebutkan itu, maka mereka bolehlah membeli dengan harga yang tinggi dan ini boleh memberi faedah yang lebih kepada petani-petani.

Tentang pertanyaan samada Kerajaan bercadang untuk mengambil alih semua pembahagian padi dan beras di negara kita, perkara ini adalah dalam timbangan dan kajian L.P.N. dan juga Kerajaan.

**Dr Tan Chee Khoon:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan kaum petani boleh menjual padinya kepada sesiapa pun. Adakah peluang untuk menjual padi ini kepada sesiapa pun diberi kepada petani-petani di Tanjong Karang, Sekinchan dan Sungai Besar?

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, setahu saya tidak ada sekatan bagi petani-petani menjual padi ini melainkan di tempat-tempat yang ada kilang. Mereka itu biasanya menjual di kilang-kilang yang diadakan di tempat itu.

**Dr Tan Chee Khoon:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar pada masa yang lalu kaum petani di Tanjong Karang, Sekinchan dan Sungai Besar menjual padinya terhad kepada L.P.N. dan mereka tidak boleh menjual padinya kepada orang lain.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, saya tak mengetahui hal ini.

**Tuan Goh Hock Guan:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan berkenaan dengan kenaikan harga beras baru-baru ini. Adakah kenaikan harga beras itu berpunca dari penjualan beras sebanyak 60% dari stockpile kita, Bangladesh dan Indonesia?

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, perkara ini saya akan jawab dalam soalan nombor 2.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Soalan tambahan. Soalan saya ialah berkenaan dengan mengurus atau control of rice oleh Lembaga Padi dan Beras. Di Negeri Perak, Lembaga Padi dan Beras stockpile berasnya di dua tempat sahaja ialah di Bagan Serai dan Parit Buntar di kawasan Kriart, tetapi sebelum harga beras naik tahun baru ini, dua tempat ini sudah kosong dan tidak ada beras. Soalan saya, ialah:

- (a) mengikut peraturan-peraturan stor-stor di Bagan Serai dan Parit Buntar tak boleh kosong, apa sebabnya sekarang kosong?
- (b) apa gunanya ada satu Lembaga serupa ini yang tak peduli kesenangan dan keselamatan rakyat; dan
- (c) bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menukar kakitangan Lembaga yang tidak efficient dan bodoh.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, ini bukan soalan tambahan. Kalau Ahli Yang Berhormat hendak buat soalan, bolehlah taruh dalam Aturan Urusan Mesyuarat dan saya boleh jawab.

**Tuan Goh Hock Guan:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Kerajaan hendak mengimpot lebih banyak lagi beras untuk dibahagi-bahagikan. Jika demikian,

harga beras pasti akan turun dan bolehkah Kerajaan menimbang semula dan menarik balik segala pengawalan beras untuk masa 8 bulan supaya harganya boleh turun semula.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, ini saya akan jawab dalam soalan nombor 2 dan nombor 3 yang akan datang.

**Dr Tan Chee Khoon:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun sentuh tentang harga padi yang akan diberi kepada kaum petani di musim hadapan. Bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberitahu kepada Dewan ini mengapakah G.M.P. (Guaranteed Minimum Price) padi tidak boleh dinaikkan daripada \$20 sepikul kepada \$23 atau \$25 sepikul.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, harga G.M.P. ini kita boleh timbangkan daripada satu masa ke satu masa, ini harga minima. Seperti saya katakan tadi pihak swasta dan pihak L.P.N. boleh membeli padi dengan harga yang lebih tinggi daripada yang ditetapkan itu.

**Dr Tan Chee Khoon:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar bahawa walaupun L.P.N. sentiasa menyatakan harga padi boleh dijual daripada \$19 ke \$23, tetapi L.P.N. sentiasa membeli padi daripada kaum petani dengan harga yang paling rendah dan boleh dinyatakan barangkali tak sampai 2-3% padi yang dibeli dengan harga yang paling tinggi.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah terangkan tadi harga yang dicadangkan oleh L.P.N. untuk membeli beras dan padi pada musim sekarang ini, inilah harga yang patut kita timbangkan sekarang ini.

**Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan khasnya pihak L.P.N. telah mengkaji iaitu apakala hendak ditetapkan harga G.M.P. ataupun harga minima sebanyak \$16 tidakkah terfikir apakala datang beberapa masaalah pihak saudagar-saudagar ataupun kompeni-kompeni beras ini boleh memainkan peranannya dengan membeli padi itu dengan harga yang mahal serta mereka

mendapat keuntungan yang banyak, sedangkan peranan L.P.N. dalam masaalah beras ini hanya 1% lebih sedikit sahaja dan kita di Malaysia bergantung juga kepada beras di-impot daripada luar negeri. Apakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak berfikir hal itu dan apakah persediaan menyeimbangkan membela masaalah kaum tani bertanam padi untuk menaikkan pendapatan mereka dan memandang pula kepada sebelah orang-orang yang tidak bertanam padi yang gelisah dengan kenaikan harga beras.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, tanggungjawab Kerajaan ialah kepada semua pihak orang-orang yang bertanam padi dan yang tidak bertanam padi. Dengan sebab itulah Kerajaan telah menubuhkan L.P.N. ini supaya mengawal harga padi tidak jatuh dan petani-petani dapat harga yang berpatutan dan begitu juga kita hendak menjaga jangan harga padi terlalu tinggi boleh menyusahkan orang yang tak bertanam padi. Jadi ada dua perkara. Dengan sebab itulah bila kita menetapkan harga minima itu kita tetapkan harga yang difikirkan patut, dan kalau harga padi naik di negeri-negeri lain di dunia ini, pihak petani-petani patutlah mendapat harga yang lebih. Perkara ini adalah ditimbang dan disemak daripada satu masa ke satu masa.

**Tuan T. S. Gabriel:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bagaimanakah keadaan pada masa sekarang tentang perkara beras ini?

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, beras ada cukup dan ada banyak sekarang ini.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Jikalau Lembaga Padi dan Beras sekarang control 1% rice distribution di Malaysia susah sekali, saya fikir lagi susah kalau Lembaga Padi dan Beras control 100% rice distribution. Bolehkah Perdana Menteri jalankan perlahan-lahan dahulu dan berfikir panjang sedikit jikalau hendak beri Lembaga Padi dan Beras alih semua pembahagian padi-padi dan beras dalam Malaysia.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, saya fikir perkara ini jadi kesusahan oleh sebab L.P.N. tidak bertanggungjawab semua sekali. Kalau L.P.N. bertanggungjawab semua sekali berkenaan pembahagian beras perkara

yang berlaku baru-baru ini tentu tak boleh berlaku (*Tepuk*).

**Tuan Haji Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi telah disentuh oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita berhubung dengan 3 kilang padi yang dikuasai oleh L.P.N. Adakah Kerajaan sedar bahawa kilang yang ada sekarang ini sangat kecil; tidak boleh dan tidak upaya mengeluarkan beras yang banyak. Sediakah Kerajaan memberi peruntukan membesarkan kilang itu memandangkan luasnya kawasan padi kita dari semasa ke semasa.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, perkara ini sekarang ini dalam timbangan Kerajaan.

## BERAS—KEKURANGAN

**2. Dr Tan Chee Khoo** bertanya kepada Perdana Menteri samada beliau sedar tentang kekurangan beras di negara ini; adakah ini disebabkan daripada salah pengurusan oleh pihak L.P.N., dan jika ya, adakah beliau akan mengambil langkah-langkah tertentu bagi rancangan masa depan berhubung dengan simpanan beras kita untuk menentukan supaya kita tidak akan terkeliru lagi.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, kekurangan beras tidak berlaku di negara ini. Apa yang telah berlaku ialah kehilangan beras buat sementara bulan Mei tahun 1973. Oleh kerana sebab yang tertentu seperti menyembunyian atau hoarding beras oleh peniaga-peniaga beras, pembelian beras yang terburu-buru oleh suri-suri rumah tangga pada masa itu. Anggapan bahawa Malaysia yang sekarang sedang mengimpot 10% daripada pengguna-penggunanya tidak mungkin dapat mengimpot banyak beras dari mana-mana negeri pun. Perkara ini tidak timbul lagi oleh kerana pengimpot-pengimpot beras telah dibuat oleh Kerajaan melalui Lembaga Padi dan Beras Negara dengan pihak yang berkuasa di negeri Cina dan juga Kerajaan Thailand.

Masaalah kehilangan beras yang timbul seperti yang saya katakan tadi tidaklah boleh disalahkan kepada L.P.N.

**Dr Tan Chee Khoo:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar L.P.N.

pada hujung tahun yang lalu atau pada awal tahun ini telah dinasihatkan pada tahun ini boleh timbul kekurangan beras dan L.P.N. telah dinasihatkan juga diberi peluang kepada pengimpot-pengimpot beras supaya mereka boleh mengimpot beras ke negeri ini pada masa itu apabila beras pun ada dan harga beraspun murah. Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar nasihat-nasihat itu malangnya tidak diterima oleh L.P.N. Dan oleh hal yang demikian, sekarang timbul masalah kekurangan dan kenaikan harga beras?

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah terangkan tadi pihak L.P.N. tidak boleh disalahkan atas perkara ini, kerana pihak swasta ada diberi lesen untuk mengimpot beras dari semasa ke semasa seperti yang kita kehendaki. Maka mereka itu tidak dapat mengimpot beras dan setengah-setengahnya impot beras barangkali dibawa ke tempat lain, kerana negeri lain harganya mahal. Jadi keadaan yang kita hadapi pada bulan Mei dahulu bukanlah disebabkan oleh kekurangan beras. Beras tidak kurang. Jadi bila beras tidak kurang, apa sebabnya kita hendak ambil langkah-langkah yang terburu-buru hendak beli banyak beras, kerana sudah memang ada di negara kita ini. Hanyalah disebabkan oleh hoarding. Pemborong-pemborong simpan, retailers simpan, orang ramai pun simpan. Jadi beras ini satu barang yang tidak boleh disimpan lama, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita simpan lama akan rosak dan beras tidak laku. Inilah sebab perkara yang kena ditimbang oleh pihak L.P.N. Kalau betul-betul kita tahu ada beras kurang sudah tentu kita telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya.

**Dr Tan Chee Khoon:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar masalah yang timbul sekarang ialah oleh sebab kekurangan forward planning oleh pegawai-pegawai L.P.N. Apabila dinasihatkan kekurangan beras akan timbul di masa akan datang, L.P.N. tidak mengambil tindakan untuk mengimpotkan beras pada masa beras ada di Thailand dan di Republik Rakyat Cina?

**Perdana Menteri:** Ahli Yang Berhormat itu tidak cukup faham apa yang saya terangkan. Saya kata masalahnya bukan kurang beras, beras disimpan. Jadi apa gunanya kita

hendak beli beras yang banyak bila beras ada di negara kita ini? Jadi ini bukanlah masalah forward planning. Pihak L.P.N. sentiasa mengawasi berapa banyak beras yang ada di negara ini. Jadi pada bulan Mei dahulu sebab ada hoarding dan pihak suri-suri rumah tangga beli banyak beras, maka beras yang ada di tangan pemborong-pemborong telah berkurangan. Dan begitu juga pihak pemborong-pemborong dan juga retailer, sebab difikirkan dunia kurang beras, maka itulah beras disimpan dan dinaikkan harganya. Ini bukanlah disebabkan oleh keadaan beras di negara kita ini.

**Tuan Goh Hock Guan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Perdana Menteri berkata masalahnya bukan berkenaan forward planning. Jikalau begitu, adakah Kerajaan masih menyimpan beras di dalam stockpile untuk masa 6 bulan. Jikalau berlaku peperangan, banjir atau musim kemarau, bolehkah Kerajaan mengeluarkan beras untuk kegunaan rakyat supaya rakyat tidak kebuluran?

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu soalan "kalau". Kalau jadi itu; kalau jadi ini.

**Tan Sri Syed Nasir bin Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, dapatkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan samada benar atau tidak bahawa negara kita tidak kurang beras, tetapi pihak swasta semenjak bulan Februari tahun ini tidak dapat mengimpot beras daripada luar. Dan dengan sebab adanya tindakan yang segera dan pandangan jauh daripada pihak pegawai-pegawai L.P.N., dapat memasukkan beras menggantikan peranan yang dimainkan selama ini oleh pihak swasta, dan dengan sebab itu beras sentiasa ada dalam negeri ini. Ahli Yang Berhormat dari Batu tidak kekurangan beras dan pesakit-pesakit di dalam Klinik Sentosa pun tidak kekurangan beras.

**Tuan Yang di-Pertua:** Apa soalnya?

**Tan Sri Syed Nasir bin Ismail:** Adakah benar bahawa pegawai-pegawai L.P.N. dengan sebab ada pandangan jauh dan tindakan segera dari mereka menggantikan pihak swasta membeli beras yang pihak swasta tidak dapat itu sehinggakan pesakit-pesakit di Klinik Sentosa tidak kekurangan beras selama ini?

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, perkara itu memanglah benar, kerana datang daripada Pengerusi L.P.N. sendiri (*Ketawa*).

**Datuk Engku Muhsein bin Engku Abdul Kadir:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Kerajaan sedar bahawa Malaysia kita ini dalam tempoh yang akhir ini bernasib baik oleh kerana jika dibandingkan dengan negeri-negeri jiran kita seperti Filipina, Indonesia, Burma dan Thailand yang mengeluarkan beras, harga-harga beras di negeri itu lebih mahal daripada yang boleh dibeli di Malaysia kita ini. Adakah benar harga beras di Singapura dua kali ganda atau tiga kali ganda lebih mahal daripada harga di Malaysia. Dan jikalau begitu keadaannya, adakah ini satu tanda kecekapan pihak Kerajaan mengatasi perkara ini?

Yang keduanya, Tuan Yang di-Pertua, adakah Kerajaan sedar iaitu nampaknya Kerajaan telah berjaya memasukkan 100,000 tan beras daripada negeri Cina sedangkan negeri Cina sendiri kekurangan beras? Ini menunjukkan pula satu kejayaan pihak Kerajaan dapat menyelesaikan masalah beras ini dengan negeri Cina memberi konterek 100,000 tan kepada kita walaupun negeri Cina sendiri mengalami kesulitan ini?

**Tuan Yang di-Pertua:** Sungguhpun itu soalan lain sama sekali, saya benarkan kalau hendak menjawab.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, ini benar. (*Ketawa*)

**Dr Tan Chee Khoon:** Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan tiada kekurangan beras di tanahair kita. Cuma ada hoarding oleh pemborong-pemborong atau oleh rakyat. Saya hendak bertanya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa adakah beliau sedar oleh sebab negeri ini menghantar beras ke Indonesia dan juga Bangladesh, maka ada beberapa godown di tanahair kita yang kosong dan oleh sebab itu timbulah kekurangan beras di tanahair kita?

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, saya hanya memberi pinjaman sebanyak 20,000 tan kepada pihak Indonesia. Kita tidak ada memberi pertolongan kepada Bangladesh.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Tuan Yang di-Pertua, kata Pengerusi Lembaga Padi dan Beras tadi, negeri Malaysia tidak kurang beras. Kalau itu benar, mengapa harga beras naik?

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, saya sudah terangkan tadi sebab-sebabnya.

**Raja Nong Chik bin Raja Ishak:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Pengerusi Lembaga Padi dan Beras menyatakan ada pengimpot-pengimpot beras di waktu dua tiga bulan yang lalu tidak mahu impot beras masuk ke negeri kita ini oleh kerana harga beras mahal. Apa tindakan Kerajaan terhadap pengimpot-pengimpot beras ini jikalau dia buat demikian pada hari yang akan datang.

**Perdana Menteri:** Itu kita akan timbangkan bila sampai masanya.

**Tuan Ng Hoe Hun:** Tuan Yang di-Pertua, soalan saya berkenaan dengan kekurangan beras di negara kita dan macam mana boleh mencukupi. Kita tahu Malaysia tidak . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh beri apa?

**Tuan Ng Hoe Hun:** Cukup—self-sufficiency in rice production. Kita tahu Malaysia tidak self-sufficient in padi production and have to import rice, Tuan Yang di-Pertua, di kawasan Larut dan Matang, Tuan Yang di-Pertua tahu kawasan itu di Perak . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya tidak tahu. (*Ketawa*)

**Tuan Ng Hoe Hun:** Tidak apa. Lain kali boleh beritahu. (*Ketawa*) Di kawasan itu ada beribu-ribu ekar sawah yang sekarang jadi hutan sahaja. Bolehkah Perdana Menteri ambil tindakan suruh kakitangan Kerajaan membenarkan rakyat tanam padi tanah-tanah di kawasan saya. Kalau tidak boleh, kenapa?

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan bercadang hendak menanam padi cukup untuk keperluan kita. Anggaran kita akan mengeluarkan beras lebih kurang 90% daripada keperluan kita. Tetapi malangnya tahun ini oleh sebab cuaca tidak baik, jadi banyak kerosakan padi bukan sahaja di negara kita ini tetapi seluruh dunia. Oleh sebab itulah keluarannya ada kekurangan.

Kalau musim yang biasa, saya fikir keluaran beras kita tidaklah kurang dan boleh mencukupi bagi kehendak kita.

**Tuan Hashim bin Gera:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Pantunkah atau tidak?

**Tuan Hashim bin Gera:** Tidak. (*Ketawa*) Bilakah agaknya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dapat menguasai menurunkan harga beras ini sebagaimana harga yang biasa, tidak lagi mahal. Itu yang ditunggu rakyat, masuk tidak masuk mereka tidak peduli. Bilakah supaya harga beras itu dapat yang paling murah sebagaimana biasa. Hari ini melambung tinggi juga.

**Perdana Menteri:** Harga beras sudah turun sedikit. Tetapi tidaklah turun seperti biasa, kerana harga beras di seluruh dunia ini naik dan saya fikir tidak adil kepada petani-petani kita kalau hendak beli padi daripada mereka itu dengan harga yang terlalu rendah.

**Tuan Goh Hock Guan:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Kerajaan masih menyimpan beras di dalam stockpile untuk masa enam bulan. Dan mengapakah Kerajaan tidak mengeluarkan stockpilenya apabila harga beras naik di negeri ini.

**Perdana Menteri:** Kita ada stockpile yang dikatakan strategic stockpile. Saya tidak boleh beri tahu berapa banyak kita simpan, dan stockpile itu kita keluarkan dari satu masa ke satu masa ganti dengan beras yang baharu kerana tidak boleh simpan beras itu lama.

**Dr Tan Chee Khoon:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar L.P.N. dan pegawai-pegawai Kerajaan menyatakan tanahair kita mengeluarkan 90% beras yang dikehendaki oleh rakyat di tanahair kita. Jika itu benar mengapa kita perlu mengimpot begitu banyak beras daripada Thailand dan daripada Republik Rakyat Cina.

**Perdana Menteri:** Saya telah terangkan tadi, pada masa ini kita belumlah cukup mengeluarkan sebanyak 90% seperti yang dikehendaki dan pada tahun ini juga sebab

cuaca tidak baik keluaran padi kita jatuh; kurang daripada biasa. Itu sebabnya kita kena impot lebih banyak sedikit daripada negara-negara lain pada tahun ini.

**Tan Sri Syed Nasir bin Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Perdana Menteri barangkali bercadang menasihatkan setengah Ahli-ahli Dewan ini supaya membaca hal dunia luar. Umpamanya, *Far Eastern Economic Review*, keluaran 2 Julai—"Rice Crisis" dalam dunia dan suratkhobar-suratkhobar yang lain yang mengatakan harga beras di luar jauh lebih tinggi dari negeri ini; kerana, Tuan Yang di-Pertua, banyak Ahli-ahli Yang Berhormat nampaknya tidak langsung tahukan hal luar atau sengaja tidak ambil tahu. Jadi pertanyaan saya, Tuan Yang di-Pertua, untuk educate Ahli-ahli Yang Berhormat itu, adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bercadang meminta mereka membaca atau hendak mencadangkan pihak T.V. atau Radio mengeluarkan satu rencana supaya dapat Ahli-ahli Dewan Rakyat ini dapat membacanya atau mendengarnya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu soalan lain. (*Ketawa*)

## BERAS MALAYSIA KE INDONESIA

3. **Tuan Peter Paul Dason** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (i) jumlah tan beras yang telah diberi atau dijual oleh Malaysia kepada Indonesia dalam tahun 1972 dan 1973;
- (ii) jumlah tan beras tempatan yang Kerajaan atau Lembaga Padi dan Beras Negara (L.P.N.) telah membeli daripada pengilang-pengilang padi tempatan dalam masa lima (5) bulan yang pertama dalam tahun 1973 dan harga yang telah dibayar untuk berbagai jenis beras tempatan yang dibeli dan juga harga beras yang dijual oleh Kerajaan atau L.P.N. selepas membelinya;
- (iii) jumlah tan beras yang dihasilkan di negeri kita dalam tahun 1972 dan juga jumlah tan beras yang telah digunakan oleh rakyat Malaysia dalam tahun itu;
- (iv) jumlah tan beras di dalam simpanan Kerajaan ataupun Lembaga Padi dan Beras Negara (L.P.N.) pada 1-12-1972, 1-3-1973, 1-4-1973 dan 1-5-1973;

- (v) mengapa Kerajaan tidak mengeluarkan beras dari simpanannya sebelum harga beras mula melambung tinggi dalam bulan Mei, 1973;
- (vi) sebab-sebab kekurangan beras berlaku baru-baru ini di negeri ini yang menyebabkan pengguna-pengguna terpaksa membayar harga yang terlampau tinggi untuk beras yang dibelinya; dan
- (vii) samada Kerajaan akan memberi satu jaminan yang jelas dan nyata kepada orang ramai bahawa harga beras akan diturunkan ke paras seperti yang ada pada bulan Mac 1973.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua,

- (i) Malaysia telah meminjamkan kepada Indonesia sebanyak 20,000 tan pada akhir tahun 1972.
- (ii) L.P.N. telah mengikat perjanjian untuk membeli 22,700 tan beras tempatan, hantaran daripada bulan Mac sampai akhir bulan Jun, dengan harga seperti berikut:
  - (a) 8,700 tan beras Kedah Gred 3 berharga \$29.50 sepikul,
  - (b) 12,500 tan beras Kedah Gred 1 berharga \$32.00 sepikul,
  - (c) 1,500 tan beras Kedah Special berharga \$34.50 sepikul.

Beras tersebut di atas sedang dijual dengan harga yang ditetapkan oleh L.P.N. selaras dengan harga beras Stockpile yang lain iaitu:

\$33.50 sepikul bagi beras Kedah Gred 3  
 \$38 sepikul bagi beras Kedah Gred 1  
 Beras Kedah Gred Special belum dijual lagi.

- (iii) Pengeluaran beras dalam tahun 1972 bagi Malaysia Barat dianggarkan sebanyak 922,000 tan. Jumlah penggunaan bagi masa yang sama ialah 1,038,240 tan.
- (iv) Beras Simpanan Kerajaan untuk masa kecemasan adalah disifatkan sebagai barang-barang strategic dan oleh itu jumlahnya adalah sulit dan tidak boleh diumumkan.
- (v) Harga beras telah naik mulai bulan Mei adalah disebabkan oleh beberapa faktor seperti kekurangan beras impot daripada pihak swasta; penyembunian

(hoarding) beras oleh peniaga-peniaga beras yang memikirkan bahawa harga beras akan naik tinggi lagi dalam bulan-bulan yang berikutan; penyekatan dan kemudiannya pengharaman beras yang diekspotkan daripada Negeri Thai. Dalam masa awal bulan Mei juga timbulnya khabar-khabar angin yang jahat mengatakan bahawa akan berlaku pergaduhan kaum di Malaysia pada hari Maulud Nabi s.a.w. dan pada 13hb Mei. Ini telah menyebabkan suri-suri rumah tangga terutama yang tinggal di bandar-bandar membeli beras lebih daripada biasa. Dalam keadaan yang sebegini tindakan utama atau priority bagi L.P.N. menjalankan ialah membawa masuk beras dari luar negeri seperti mana pengimpot-pengimpot swasta tidak berupaya mengimpot, dan mengambil tindakan terhadap peniaga-peniaga beras yang telah menyembunyikan beras, dan tindakan-tindakan ini telahpun memberi hasil. Di samping itu L.P.N. juga telah menawar beras simpanan Kerajaan kepada pasaran terbuka sebanyak 19,550 tan.

- (vi) Kekurangan beras yang sebenarnya tidak berlaku di negara kita. Apa yang berlaku ialah jangkaan peniaga-peniaga dan pengguna-pengguna beras bahawa harga beras akan naik lebih tinggi lagi dalam masa sepanjang tahun 1973. Jangkaan ini adalah berdasarkan keadaan bekalan beras yang sangat berkurangan di pasaran dunia dan harganya yang telah naik itu. Juga disebabkan oleh faktor-faktor yang telah saya terangkan itu.
- (vii) Harga beras tempatan adalah mempunyai pertalian secara langsung dengan harga padi yang juga dikeluarkan di negara kita. Oleh itu sekiranya harga beras turun ke peringkat yang lama, harga padi juga akan turun ke peringkat yang lama, sedangkan barang-barang keperluan petani-petani telah naik harganya. L.P.N. telah memperakukan bahawa bagi sepanjang tahun ini harga beras bagi jenis yang rendah seperti Kedah Gred 3 ialah \$2.20 segantang atau 37 sen sekati bagi jualan runcit, dan beras jenis sederhana seperti Mahsuri Istimewa dan Kedah Gred 2 berharga \$2.40 segantang atau 40 sen sekati bagi jualan runcit.

**Dr Tan Chee Khoon:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan pada akhir tahun yang lalu negeri ini telah meminjamkan 20,000 tan beras kepada Indonesia. Saya hendak bertanya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, adakah beras ini telah dikembalikan kepada negeri kita, atau jika belum, bilakah beras ini boleh dikembalikan?

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, beras ini belum dikembalikan dan saya fikir ini satu perkara yang kecil, sebab kita memberi pertolongan kepada negara sahabat kita dalam masa mereka itu mendapat kecemasan. Jadi tidak usahlah kita kemukakan perkara ini, sebab biarlah Indonesia mengambil masa, bila masa dia hendak pulangkan, dia akan pulangkan. Ini pertolongan sebagai good neighbourliness.

**Tuan Lim Kit Siang:** Soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri beliau menyatakan bahawa dalam negara kita tidak ada kekurangan beras atau soalnya ialah hordings oleh peniaga-peniaga. Tetapi terlebih dahulu daripada itu Yang Berhormat Pengerusi L.P.N. telah menerangkan bahawa kekurangan ini bukan sahaja di dalam negara kita bahkan juga di dalam dunia ada shortage of rice dan beliau menasihatkan kepada Ahli-ahli Parlimen membaca *Far Eastern Economic Review*. Bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberi satu gambaran yang betul, apakah sebab-menyebab crisis beras, kekurangan beras atau bukan kekurangan beras, kerana kedua-dua kenyataan itu datangnya daripada pihak Kerajaan?

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah menerangkan perkara ini 45 minit lamanya, Ahli Yang Berhormat baru masuk ke Dewan jadi dia boleh baca Hansard, kalau hendak tahu atas hal ini (*Ketawa*).

#### HARGA BARANG-BARANG— KENAIKAN

4. **Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus** minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau sedar bahawa kenaikan harga barang-barang keperluan utama yang merupakan suatu cara mensabotaj kesetabilan Kerajaan Malaysia mungkin melahirkan semangat subversif di kalangan rakyat yang kurang

bertanggungjawab dan jika ya, apakah langkah-langkah yang akan diambil bagi mengatasi masaalah ini.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar bahawa dalam keadaan kenaikan harga barang-barang keperluan utama seperti yang berlaku sekarang, ada kemungkinan gulungan subversif mengambil kesempatan menimbulkan kecabulan di kalangan orang ramai. Kerajaan memang sentiasa waspada terhadap perkara ini dan akan mengambil tindakan dan juga langkah-langkah mengawasi atas perkara ini dan juga mengawasi gulungan-gulungan subversif.

**Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana masaalah kenaikan harga barang ini ialah masaalah yang banyak dibicarakan oleh rakyat, apakah Yang Amat Berhormat boleh menyatakan bagaimana peranan Kerajaan yang sebenar-benarnya dalam penentuan harga barang-barang ini?

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, perkara ini telah kerap kali diterangkan di Dewan ini oleh Timbalan Perdana Menteri dan saya sendiri, langkah-langkah yang telah kita ambil untuk hendak mengawasi kenaikan harga barang-barang ini. Seperti yang telah diterangkan barang-barang tidaklah kurang-jadi dengan keadaan yang semacam itu tidaklah difikirkan menasabah hendak diadakan kawalan atas perkara ini. Langkah-langkah seperti yang telah diterangkan itu sedang diambil dan pihak Kerajaan berharap rakyat akan dapat memberi kerjasama atas hal ini.

**Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus:** Soalan tambahan. Adakah Kerajaan bercadang mahu menetapkan semua harga barang-barang di negara kita ini bukan bererti memastikan tidak boleh berganjak, tetapi Kerajaan menetapkan semua harga barang-barang ini supaya rakyat dapat membelinya dengan serata dan kalau lebih mahal, boleh membuat bantahan secara tertentu.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah terangkan tadi dalam keadaan sekarang ini adalah difikirkan tidak menasabah hendak menetapkan harga barang kerana akan menimbulkan akibat-akibat yang tidak baik. Kita terpaksa mengambil langkah-langkah yang lain seperti yang telah diterangkan tadi.

## BAHASA MALAYSIA DI MAHKAMAH

**5. Tuan Mustapha bin Hussain** minta Perdana Menteri menyatakan samada Kerajaan sedar bahawa selagi bahasa asing digunakan dalam semua peringkat Mahkamah, dalam perkara-perkara Kehakiman dan Perundangan, aspirasi kita untuk mengujudkan keperibadian nasional tidak akan tercapai: jika ya, bolehkah Kerajaan mengamalkan dasar yang tetap dan berani untuk mencapai aspirasi ini dan berikan tarikh bila bahasa Malaysia kita akan digunakan dengan sepenuh-penuhnya.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini, saya suka menyatakan bahawa semakin banyak pembicaraan di Mahkamah-mahkamah adalah dijalankan dalam Bahasa Malaysia. Walaubagaimanapun kita janganlah lupa bahawa tugas yang utama sesuatu Mahkamah ialah untuk menadbir keadilan. Untuk mencapai tujuan ini Mahkamah mestilah mentafsirkan undang-undang dengan seberapa tepat yang boleh. Pada masa ini penterjemahan sedang dijalankan bagi menterjemah beberapa undang-undang dalam bahasa Inggeris ke Bahasa Malaysia.

Seerti Ahli Yang Berhormat maklum bahawa beberapa tahun yang lampau khususnya sebelum tercapainya kemerdekaan, pengubahan undang-undang telah dibuat dalam bahasa Inggeris. Dalam hal ini juga Pegawai-pegawai Kehakiman, Peguam-peguam, Majistrate-majistrate dan Yang di-Pertua Yang di-Pertua Mahkamah Sesyen adalah digalakkan supaya mencapai kefasihan dalam Bahasa Malaysia. Arahan telah juga di keluarkan supaya mereka ini menggunakan Bahasa Malaysia bila keadaan mengizinkan.

**Tuan Hashim bin Gera:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah tindakan akan dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, masih ada lagi Jabatan Kerajaan yang berdegil menggunakan bahasa Inggeris menghantarkan surat siarannya kepada Ahli-ahli Parlimen sebagaimana baru-baru ini Suruhanjaya Pilihanraya menghantar satu surat penyata kepada semua Ahli Parlimen dalam bahasa Inggeris?

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, itu soalan yang lain; soalan yang pertama ialah berkenaan dengan Mahkamah.

**Tuan Hashim bin Gera:** Itu berkait berkenaan dengan Bahasa Kebangsaan, kalau boleh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya kata tidak berkait, itu lain sedikit.

**Tuan Hashim bin Gera:** Tidak ada, tidak apalah (*Ketawa*).

## PERSATUAN PARLIMEN KOMONWEL—PERSIDANGAN

**6. Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong** minta Perdana Menteri menyatakan bilangan Ahli-ahli Parlimen dan Majlis-majlis Perundangan Negeri dari Parti-parti Pembangkang yang telah menghadiri persidangan Persatuan Parlimen Komonwel semenjak tahun 1970 dan berapa orang daripada mereka dari Malaysia Timur.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, bilangan Ahli-ahli Dewan Rakyat daripada Parti Pembangkang yang telah menyertai persidangan-persidangan Komonwel Parlimen semenjak tahun 1970 adalah seperti berikut:

1970—Diadakan di Canberra,				
Australia ... ..				Tiada
1971—Diadakan di Kuala Lumpur,				
Malaysia ... ..				1
1972—Diadakan di Blantyre,				
Malawi ... ..				1
Bilangan daripada Parti				
Pembangkang dari Malay-				
sia Timur ... ..				Tiada

Jumlah bilangan Ahli-ahli Dewan Negeri yang telah menghadiri Persidangan-persidangan tersebut tidak dapat diberi oleh kerana penyertaan mereka di persidangan itu adalah semata-mata di bawah urusan Persatuan Parlimen Komonwel di cawangan negeri masing-masing.

## UMUR MINIMA MENGUNDI

**7. Tuan Loh Jee Mee** minta Perdana Menteri menyatakan samada Kerajaan akan menimbang mengurangkan umur minima mengundi sekarang ini di negara ini kepada 18 tahun; dan jika tidak, mengapa.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah menjawab soalan yang serupa di Dewan ini pada 8hb Disember, 1971, jadi saya rojokkan Ahli Yang Berhormat kepada Hansard yang berkenaan.

#### **PERNIAGAAN PERSENDIRIAN— JAWATAN PENGARAH**

**8. Tuan Su Liang Yu** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) bilangan isteri Menteri-menteri yang memegang jawatan Pengarah dalam perniagaan persendirian pada masa sekarang; dan
- (b) apakah langkah-langkah Jabatan Perdana Menteri sedang ambil untuk mencegah isteri-isteri Menteri-menteri dan Setiausaha-setiausaha Politik daripada memberi peluang pekerjaan hanya kepada saudara-mara mereka sahaja.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Parlimen dan Setiausaha-setiausaha Politik dikehendaki memberi tahu saya harta serta pelaburan-pelaburan mereka. Tidak ada tegahan bagi isteri-isteri mereka menjalankan perniagaan persendirian asalkan mereka mengikut undang-undang sepertimana perniagaan-perniagaan lain dan perniagaan itu tidak menyentuh kedudukan suami mereka.
- (b) Ahli Yang Berhormat harus sedar bahawa pengambilan (recruitment) kakitangan-kakitangan Kerajaan adalah di bawah kuasa Suruhanjaya-suruhanjaya atau lembaga-lembaga dan bukan Menteri-menteri atau isteri-isteri Menteri.

**Dr Tan Chee Khoon:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar bahawa ada beberapa orang isteri Menteri-menteri atau isteri Setiausaha Parlimen yang mengambil bahagian dalam perniagaan dengan beberapa statutory bodies umpamanya menjual tanah kepada UDA. Jika beliau sedar, bolehkah beliau siasat atas perkara ini, oleh sebab practice ini tidak begitu baik untuk negara kita.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, kalau ada keterangan atas hal ini, saya boleh siasat.

#### **RANCANGAN PERUMAHAN DAERAH BARAM**

**9. Tuan Luhut Wan** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bila Kerajaan akan memulakan rancangan rumah murah di Daerah Baram, Sarawak.

**Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tun Dr Ismail Al-Haj):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya setakat ini belum lagi menerima apa-apa cadangan rancangan perumahan bagi Daerah Baram daripada Kerajaan Negeri Sarawak.

Oleh yang demikian, saya mengesyorkan pada Ahli Yang Berhormat supaya menghubungi Kerajaan Negeri Sarawak untuk mengemukakan rancangan perumahan yang dimaksudkan kepada Kementerian saya.

#### **KECURIAN KERETA DI KELANTAN**

**10. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan jumlah kecurian kereta di Kelantan dari tempoh 1hb Januari hingga 31hb Mei, 1973. Berapa buah kereta yang dicuri itu dapat dijumpai semula dan berapakah tangkapan-tangkapan yang dilakukan oleh pihak Polis Kelantan sehingga tarikh yang tersebut. Nyatakan juga jika kereta-kereta yang dicuri itu diseludupkan ke negeri Thai. Pernahkah apa-apa perundangan dibuat oleh Kementerian ini dengan pihak berkuasa Thai untuk mendapatkan kerjasama mereka supaya kejadian ini dapat dielakkan.

**Tun Dr Ismail Al-Haj:** Tuan Yang di-Pertua, jumlah kecurian kereta di Kelantan dari tempoh 1hb Januari hingga 31hb Mei, 1973 ialah 18.

8 buah kereta yang dicuri itu telah dapat balik.

Tidak ada tangkapan yang dilakukan oleh pihak Polis Kelantan sehingga tarikh tersebut.

Ia. Kereta-kereta curi itu diseludupkan ke Negeri Thai.

Tidak ada apa-apa perundangan yang dibuat oleh Kementerian saya dengan pihak berkuasa Thai untuk mendapatkan kerjasama mereka bagi mengelakkan kejadian ini.

**Tuan Hussain bin Haji Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut jawapan yang diberi oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bahawa sehingga ini tidak ada apa-apa rundingan telah dibuat oleh Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Thai mengenai dengan kecurian ini. Apakah pihak Kerajaan berfikir bahawa dengan tidak ada perundingan seperti itu keadaan kecurian yang sedang berlaku sekarang akan berkurangan atau akan bertambah dari semasa ke semasa?

**Tun Dr Ismail Al-Haj:** Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat itu tidak membaca soalan ini dan tidak mengerti jawapan saya. Saya telah mengatakan Kementerian saya tidak ada membuat hubungan.

**Tuan Hussain bin Haji Sulaiman:** Soalan tambahan. Apakah halangan yang menyebabkan Kementerian yang berkenaan tidak membuat hubungan?

**Tun Dr Ismail Al-Haj:** Tuan Yang di-Pertua, kerana ada jalan lain.

**Tuan Hussain bin Haji Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, tidakkah ada suatu perjanjian yang dinamakan Perjanjian Polis Antarabangsa yang boleh dikaitkan dengan perkara yang seperti ini?

**Tun Dr Ismail Al-Haj:** Kalau Ahli Yang Berhormat itu sudah mengerti macam Interpol sudah ada di Bangkok, itulah jalan lain yang saya katakan tadi, dia sendiri sudah mengerti, buat apa tanya pula.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau sudah mengerti janganlah bertanya.

#### PERATURAN KEWANGAN DENGAN NEGERI-NEGERI

**11. Tuan V. Veerappen** minta Menteri Kewangan menyatakan samada Kerajaan akan menimbang menambahkan PEMBERIAN BILANGAN ORANG (CAPITATION GRANT) yang dibayar kepada negeri-negeri memandang kepada bertambahnya belanja perkhidmatan yang disediakan oleh negeri-negeri dan kian bertambahnya tanggungjawab negeri-negeri, misalnya dalam peruntukan bagi perpustakaan, memajukan

pelancungan dan penubuhan perusahaan-perusahaan yang mana menjadi tanggungjawab Kerajaan Persekutuan secara langsung.

**Menteri Kewangan (Tun Tan Siew Sin):** Tuan Yang di-Pertua, peraturan-peraturan kewangan dengan negeri-negeri adalah sedang dikaji semula oleh perbendaharaan dan wakil-wakil Kerajaan negeri seperti yang diarahkan oleh Majlis Kewangan Negara. Dalam pengkajian semula ini, semua perkara-perkara yang bersangkutan dengan pembayaran terhadap pemberian-pemberian mengikut undang-undang (STATUTORY GRANTS) termasuk pemberian bilangan penduduk akan diberi perhatian.

#### SAHAM BANK BUMIPUTRA

**12. Tan Sri Fatimah binti Haji Hashim** minta Menteri Kewangan menyatakan samada Kerajaan bercadang untuk menasihatkan Bank Bumiputra supaya mengeluarkan saham-sahamnya untuk dijual kepada kaum Bumiputra.

**Tun Tan Siew Sin:** Tuan Yang di-Pertua, ya.

**Tan Sri Fatimah binti Haji Hashim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu, jikalau ya, bilakah akan dikeluarkan?

**Tun Tan Siew Sin:** (*Dengan izin*) That depends on circumstances.

#### PUSAT PEMULIHAN KHAS (REHABILITATION CENTRE)

**13. Tuan Su Liang Yu** minta Peguam Negara menyatakan samada beliau akan menimbang menubuhkan satu Pusat Pemulihan di Kuala Lumpur sebagai sebuah projek pelupur bagi mengawal masalah dadah dalam negeri ini dengan kerjasama Jawatankuasa Penasihat Murid-murid.

**Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof):** Tuan Yang di-Pertua, saya fikir pada masa ini bilangan penagih yang ada sekarang belum sampai masanya lagi bagi mengadakan satu Pusat Pemulihan Khas (Rehabilitation Centre) di Kuala Lumpur. Tetapi bila keadaan memerlukannya untuk menubuhkan Pusat Pemulihan (Rehabilitation Centre) maka kerjasama Jawatankuasa Penasihat Murid-murid akan disambut baik.

Saya suka menyatakan iaitu pada masa sekarang kita ada empat tempat rawatan dan pemulihan untuk penagih-penagih iaitu di Hospital Bahagia Ulu Kinta, Hospital Permai Johor Bahru dan di Hospital-hospital Besar di Kuala Lumpur dan Pulau Pinang.

#### PENGEBOMAN MORTAR DI RUMAH PANJANG

**14. Pengarah Rahun anak Debak** minta Menteri Pertahanan memberi satu jaminan bahawa Pasukan-pasukan Keselamatan apabila menjalankan pengeboman mortar di kawasan yang banyak penduduk-penduduk pada masa hadapan, mereka hendaklah menentukan supaya orang-orang yang tidak bersalah di kawasan itu tidak kena bom dengan secara kebetulan seperti kejadian yang berlaku di rumah-panjang RUMAH AJAN di Kg. Tepin, Balai Ringin, di Daerah Serian, Sarawak pada hari Isnin, 15hb Mei, 1973 di mana T. R. Ajan dan lima orang keluarganya telah tercedera apabila sebutir bom mortar yang rusak telah menimpa bahagian tengah rumahpanjang 6 pintu mereka.

**Timbalan Menteri Pertahanan (Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj):** Tuan Yang di-Pertua, berlakunya kejadian ini sangat-sangatlah dikesalkan oleh Kerajaan. Kejadian ini telah berlaku bukan kerana Pasukan Keselamatan kita tidak mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk menentukan keselamatan orang awam, tetapi adalah kerana peta yang digunakan oleh Pasukan Keselamatan tidak menunjukkan bahawa rumah-panjang tersebut terletak di kawasan itu. Ini mungkin adalah sebab pada masa peta itu disediakan, rumah-panjang itu belum lagi dibina. Walaubagaimanapun untuk mengelakkan berlakunya kejadian seumpama ini di masa-masa yang akan datang Pasukan Keselamatan kita sejauh mana yang boleh akan menjalankan aerial reconnaissance untuk menentukan jika ada rumah-rumah panjang terletak di sesuatu kawasan yang akan dibedil dengan meriam-meriam katak.

**Tuan Goh Hock Guan:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Timbalan Menteri Pertahanan memberitahu apakah compensation yang telah diberi kepada victim of shelling itu?

**Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj:** Tuan Yang di-Pertua, kita akan memberikan kepada orang-orang yang terlibat dalam kemalangan itu daripada Tabung Pertahanan Negara yang mana kebiasaannya kalau menyebabkan kematian, kita bagikan \$5,000.

#### EKSEPOT LADA HITAM SARAWAK

**15. Tuan Edmund Langgu anak Saga** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan berapa peratus lada hitam negeri Sarawak yang dieksepot melalui Singapura dan apakah langkah-langkah yang sedang diambil supaya peratus ini diturunkan dan eksepot di buat terus kepada negara-negara pembeli untuk mengurangkan keuntungan-keuntungan orang tengah dan mengelakkan masalah-masalah yang disebabkan oleh perbezaan matawang sekarang ini di antara Malaysia dan Singapura.

**Menteri Perusahaan Utama (Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud):** Tuan Yang di-Pertua, eksepot lada hitam Sarawak ke Singapura bagi tempoh Januari—Mac, 1973 adalah kira-kira 75.05% dan bagi tahun 1972 adalah kira-kira 82%. Kerajaan sedar bahawa peratus lada hitam yang dieksepotkan ke Singapura masih lagi tinggi dan langkah-langkah sedang diambil untuk memperbaiki keadaan ini dalam jangka masa panjang. Di bawah Rancangan Malaysia Kedua, Jemaah Pemasaran Lada Hitam sedang menyediakan kemudahan-kemudahan memproses, menggedd dan membungkus (di Kuching, Sarikei dan Johor Bahru) bagi meninggikan mutu lada hitam Malaysia supaya lada hitam itu dapat dieksepot terus-menerus daripada negara kita ke luar negeri.

#### TANDA HARGA

**16. Tuan Peter Paul Dason** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (i) samada Kementerian beliau masih lagi berpendapat yang tanda harga boleh menghapuskan segala tindak-tanduk yang tidak berpatutan yang dilakukan oleh peniaga-peniaga seperti yang telah dinyatakan oleh Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian pada 20-4-73 di dalam Dewan ini;
- (ii) apa langkah-langkah yang Kerajaan telah ambil ataupun akan ambil untuk mengawasi harga-harga dari melambung

naik sekiranya Kerajaan enggan mengenakan kawalan harga ke atas barang-barang keperluan; dan

- (iii) samada Kerajaan akan menubuhkan sebuah Jawatankuasa Parlimen Semua-Parti (All-Party Parliamentary Committee) ataupun apa-apa Jawatankuasa yang lain untuk menyiasat sebab-sebab melambung naik sara hidup dan mencadangkan tindakan-tindakan untuk memperbaiki keadaan itu.

**Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tun Dr Ismail Al-Haj):** Tuan Yang di-Pertua,

- (i) Jawapan saya kepada soalan ini adalah serupa juga dengan jawapan yang saya beri pada 20-4-73 di dalam Dewan ini. Saya masih yakin bahawa tanda harga boleh mengatasi masalah perbuatan mencari keuntungan yang berlebihan oleh peniaga-peniaga di dalam keadaan biasa di mana tidak ada terdapat kekurangan bekalan dan di mana terdapat persaingan yang sihat di semua peringkat. Oleh itu di dalam keadaan kekurangan bekalan, di mana persaingan di antara peniaga-peniaga di semua peringkat tidak begitu sempurna, adalah benar bahawa tanda harga hanya mempunyai kesan yang terhad.
- (ii) Langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian saya untuk mengawasi harga dari melambung naik adalah seperti berikut:

(a) *Pengawasan Harga* (price supervision) yang bertujuan untuk menentukan bahawa harga barang-barang keluaran tempatan adalah menasabah. Ini adalah dilaksanakan dengan mengenakan satu syarat kepada semua perusahaan-perusahaan yang menikmati perlindungan di dalam pasaran tempatan samada di dalam bentuk cukai ataupun kawalan impot bahawa kelulusan mestilah terlebih dahulu didapati dari Kementerian saya sebelum sebarang kenaikan di dalam harga boleh dilaksanakan. Kelulusan hanya diberi berdasarkan sebab-sebab yang sah yang di luar kawalan Kementerian saya dan juga perusahaan yang tersebut,

seperti kenaikan di dalam harga bahan-bahan mentah yang di-impot yang diperlukan oleh sesuatu perusahaan itu. Oleh yang demikian, sekiranya kelulusan diberikan, kenaikan harga adalah minima. Ini adalah dibuat dengan menentukan pada awalnya setakat manakah pengilang-pengilang tempatan yang berkenaan boleh menampung sebahagian daripada kenaikan di dalam kos pengeluaran. Jika didapati perlu Kerajaan akan menampung sebahagian daripada kos-kos yang bertambah dengan membenarkan pengecualian cukai impot seperti yang telah dibuat dengan kenaikan harga gula.

- (b) *Galakan terhadap kegunaan barang-barang tempatan yang maksima* (encouragement towards the maximisation of local content) yang bertujuan mengurangkan kos keluaran terutamanya tenaga buruh dan bahan-bahan mentah, umpamanya di dalam hal susu pekat. Kerajaan memberikan galakan yang sewajarnya kepada perusahaan tersebut supaya menggunakan minyak kelapa sawit tempatan yang lebih murah harganya untuk menggantikan lemak susu (butterfat) yang di-impot yang telah mengalami kenaikan harga yang tinggi disebabkan keadaan pasaran dunia.
- (c) *Penentuan bekalan yang cukup untuk memenuhi keperluan tempatan dan pembahagian yang cekap di semua peringkat.* Ini adalah dilaksanakan dengan menguatkuasakan peruntukan yang terdapat di dalam Akta Kawalan Bekalan, 1961 (Control of Supply Act, 1961) yang memberi kuasa kepada Kementerian untuk mengambil langkah-langkah yang sewajarnya bagi menentukan bekalan yang cukup. Semua barang-barang keperluan pengguna seperti gula, garam, tepung gandum, minyak masak, susu termasuk susu pekat, simen, cuka getah, baja dan ubat serangga telahpun diisytiharkan sebagai

barang-barang yang terkawal. Selain dari itu, sekiranya terdapat kekurangan di dalam keluaran tempatan, pertimbangan adalah juga diberikan untuk membenarkan pengecualian cukai impot dan kelonggaran kawalan impot jika ada sementara larangan eksport adalah dikenakan di waktu yang sama ke atas barang-barang yang diketahui tidak mencukupi.

- (iii) Saya sukalah menerangkan kepada Dewan ini bahawa Majlis Penasihat Kebangsaan bagi melindungi pengguna-pengguna yang terdiri daripada peniaga-peniaga, Kerajaan dan lain-lain pertubuhan seperti Persekutuan Pengilang-pengilang Malaysia, Dewan Perniagaan Kebangsaan, Kesatuan-kesatuan Pekerja Pengguna-pengguna Kebangsaan telahpun ditubuhkan baru-baru ini. Majlis yang akan menggantikan Jawatankuasa Penasihat mengenai harga yang terdapat sekarang ini, akan bertanggungjawab bagi menasihati Kerajaan mengenai langkah-langkah kebangsaan yang perlu diambil untuk melindungi kepentingan pengguna-pengguna.

#### CUKAI PENDAPATAN BAGI ISTERI

**17. Tan Sri Fatimah binti Haji Hashim** minta Menteri Kewangan menyatakan samada beliau sedar bahawa pelepasan Cukai Pendapatan bagi isteri sebanyak \$1,000 bagi setahun itu adalah sangat rendah, dan jika ya, samada beliau akan mengkaji semula keadaan ini.

**Tun Tan Siew Sin:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada apa-apa lagi yang hendak ditambah kepada jawapan yang telah saya beri dalam Dewan ini atas satu soalan yang sama yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Teluk Anson dalam bulan Disember tahun lalu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan-jawapan Lisan bagi Pertanyaan No. 18 hingga 32 adalah diberi di bawah ini).*

#### MATAWANG MALAYSIA DAN SINGAPURA

**18. Dr Chen Man Hin** minta Menteri Kewangan menyatakan samada beliau sedar bahawa perpecahan matawang antara Malaysia dan Singapura memundurkan perpaduan dan kerjasama ekonomi ASEAN, sementara European Economic Community menuju ke arah "Common Currency", Menteri Kewangan telah menukarkan haluan dengan memansuhkan perjanjian pertukaran wang antara Malaysia-Singapura dan antara Malaysia-Brunei.

**Menteri Kewangan (Tun Tan Siew Sin):** Pada pandangan Kerajaan perkara ini telah selesai dan dengan itu tiada faedah di perbincangkan lagi.

#### HAK SAMA KEPADA WANITA

**19. Tuan V. Veerappen** minta Peguam Negara menyatakan samada beliau akan mengambil langkah-langkah untuk meminda Perkara 8 (2) Perlembagaan Persekutuan untuk memberi hak yang sama kepada kaum wanita kita untuk mengelakkan perbezaan dengan alasan jantina.

**Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof):** Kerajaan berasa bahawa tidaklah perlu takat ini untuk meminda Fasal (2) Perkara Perlembagaan bagi maksud itu. Adalah satu kenyataan yang tidak dapat dinafikan iaitu Tuhan telah menjadikan laki-laki dan perempuan tidak sama dan serupa dalam banyak perkara termasuk sifat-sifat tubuh badan, tenaga dan lain-lain. Dengan sebab itulah dalam Ugama Islam dan Hukum Syarak diadakan sedikit perbezaan dengan sebab jantina demi kepentingan masyarakat dan keluarga.

Semenjak Merdeka Kerajaan telah mengambil beberapa langkah dan tindakan bagi menghapuskan segala perbezaan dan sekatan kepada kaum wanita yang telah diamalkan dalam masa penjajah dahulu, samada dalam hak memegang jawatan-jawatan Kerajaan, hak mendapat gaji sama, pencen dan lain-lain kemudahan. Demikianlah juga dalam lapangan politik, perniagaan dan lain-lain. Jikalau ada pun perbezaan bukanlah dengan sebab jantina sahaja tetapi adalah dengan sebab-sebab yang lain misalnya hak cuti

bersalin dengan mendapat gaji penuh—laki-laki tidak dapat keistimewaan itu sebab laki-laki tidak boleh bersalin. Jawatan dalam Bomba (Fire Brigade) adalah difikir tidak sesuai bagi wanita sebab sangat-sangat merbahaya dan sangat berat tugasnya. Jawatan Penghulu, misalnya, boleh jadi tidak diterima masyarakat; jawatan Imam dan Kadi pula dilarang oleh Syarak.

Dengan sebab itulah difikirkan tidak wajar Perkara 8 (2) itu dipinda dengan ditambah perkataan jantina atau sex.

### ROMBONGAN MUHIBBAH KE CINA

**20. Tuan Tan Cheng Bee** minta Menteri Luar Negeri menyatakan oleh sebab pihak Kerajaan telahpun menghantar satu rombongan Muhibbah yang diketuai oleh Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara ke Negara Komunis Russia, maka dapatkah Kerajaan menimbang pula untuk menghantar satu rombongan Muhibbah yang mengandungi lebih kurang 20 orang Ahli Parlimen ke Negara Republik Rakyat Cina sebagai satu langkah permulaan kepada maksud Kerajaan hendak mengadakan hubungan Diplomatik dengan Negara itu.

**Menteri Luar Negeri (Tun Haji Abdul Razak):** Saya telahpun mengumumkan yang Malaysia telah memulakan perbincangan secara rasmi dengan Republik Rakyat Cina berhubung dengan penubuhan hubungan diplomatik. Buat masa ini biarlah kita menunggu hasil dari perbincangan itu.

### HUBUNGAN DIPLOMATIK DENGAN CINA

**21. Wan Sulaiman bin Haji Wan Ibrahim** minta Menteri Luar Negeri menyatakan, di dalam penubuhan hubungan diplomatik antara Malaysia dan Peking yang diura-urakan itu, samada disyaratkan Peking menggunakan jasa baiknya menyuruh penganas-penganas komunis di sini menghentikan keganasan mereka di Malaysia.

**Tun Haji Abdul Razak:** Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum setakat ini saya belum lagi dapat mengemukakan butir-butir lanjut perbincangan rasmi yang sedang diadakan antara Malaysia dengan Republik Rakyat Cina untuk menubuhkan hubungan diplomatik antara kedua negara.

Walaubagaimanapun, di dalam keputusan kita untuk memulakan perbincangan-perbincangan ini, kita telah mengkaji masaalah-masaalah yang akan timbul di dalam penubuhan hubungan diplomatik antara kedua-dua negara.

### ISLAM DI SELATAN FILIPINA

**22. Nik Abdul Aziz bin Nik Mat** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sejauh manakah usaha yang telah dijalankan oleh Kerajaan Malaysia untuk berunding dengan Presiden Marcos mengenai nasib umat Islam di Selatan Filipina sesuai dengan amanah yang diterima oleh Malaysia dalam persidangan Menteri-menteri Luar Negeri Islam di Benghazi dahulu.

**Tun Haji Abdul Razak:** Seperti Ahli Yang Berhormat telah sedia maklum, dalam Persidangan Benghazi baru-baru ini di mana Malaysia telah mengambil bahagian, suatu ketetapan untuk menghantar serombongan Menteri-menteri Luar Negeri ke Filipina bertujuan untuk mengkaji bersama-sama Kerajaan Filipina mengenai keadaan orang-orang Islam di Selatan Filipina, telah diluluskan. Malaysia tidak terlibat dalam rombongan ini. Adalah menjadi pendirian kita untuk menganggap keadaan di Filipina Selatan sebagai suatu soal dalam negeri bagi Kerajaan Filipina dan kita tidak perlu campur tangan.

Setakat menyumbangkan jasa baik kita kepada Kerajaan Filipina sejajar dengan persefahaman ASEAN, kita telahpun memaklumkan pendirian kita yang sebenarnya kepada Kerajaan Filipina dan saya sukacita menyatakan di sini bahawa Kerajaan Filipina telahpun menyampaikan penghargaan dan terima kasihnya terhadap perkara ini.

### HUBUNGAN DIPLOMATIK— HASIL RUNDINGAN

**23. Tuan T. S. Gabriel** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah hasil yang telah terdapat daripada rundingan-rundingan yang telah diadakan,

(a) antara Perdana Menteri Malaysia dan Presiden Suharto di Indonesia;

- (b) antara Perdana Menteri Malaysia dan Perdana Menteri Negeri Thai Tun Thanom Kittikachorn di Kelantan dan di Songkhla;
- (c) antara Perdana Menteri Malaysia dan Perdana Menteri U Ne Win di Kuantan; dan
- (d) adakah perkara hubungan diplomatik antara Republik Rakyat Cina dan Malaysia telah dibincangkan oleh Perdana Menteri Malaysia dengan pemimpin-pemimpin Indonesia, Negeri Thai dan Burma dalam rundingan-rundingan tersebut.

**Tun Haji Abdul Razak:**

- (a) Saya telah berkunjung ke Palembang baru-baru ini atas jemputan Presiden Suharto untuk bercuti bersama-sama beliau di Sumatra. Saya telah sempat berbincang dengan beliau tentang banyak perkara dan satu daripadanya mengenai soal perhubungan dengan Republik Rakyat Cina. Saya percaya perjumpaan begini adalah berguna bagi memupuk semangat persefahaman dan kerjasama.
- (b) Di upacara pembukaan jambatan Golok baru-baru ini saya telah mengambil kesempatan itu untuk menjemput Perdana Menteri Thai ke Kota Bharu sebagai tamu saya selama se hari. Selepas menerima jemputan saya itu, beliau terus menjemput saya pula ke Songkhla sebagai tetamu beliau. Dalam semangat terbaik-baik di antara kedua-dua negara, kami mengadakan perbincangan mengenai berbagai-bagai perkara yang meliputi kepentingan negara-negara kita bersama dan juga masalah se daerah serta antara-bangsa. Hasil perbualan kami adalah berguna dan menguntungkan.
- (c) Perdana Menteri Ne Win dan saya telah bertukar-tukar pendapat di atas beberapa tajuk termasuk perkara-perkara berkenaan dengan rantau ini dan perkembangan-perkembangan dasar luar negeri masing-masing. Perbualan tersebut adalah secara informal dan terus terang dan telah membolehkan saya mendapat pandangan yang lebih mendalam tentang buah pendapat dan cita-cita salah satu negara sahabat

di rantau ini. Tambahan pula, perbualan tersebut memberikan peluang untuk menguatkan lagi perhubungan yang baik dan mesra di antara kedua-dua buah negara.

- (d) Benar, kita telah memaklumkan pendirian kita mengenai soal perhubungan Malaysia dengan Republik Rakyat Cina kepada mereka.

**TAWANAN PERANG PAKISTAN**

**24. Tuan T. S. Gabriel** minta Menteri Luar Negeri menyatakan memandangkan kepada hal bahawa menerusi kebijaksanaan dan pengalaman beliau yang luas sebagai pemimpin dunia, Perdana Menteri kita Tun Haji Abdul Razak telah merapatkan perpaduan, kerjasama dan muhibbah antara negara-negara di Asia dan juga beliau telah diakui sebagai seorang pemimpin yang agung oleh kuasa-kuasa besar di Eropah, adakah apa-apa rancangan hendak menghantar suatu Perutusan Rayuan Asean dengan dipimpin oleh Perdana Menteri dan dengan menggunakan jasa baik beliau merayu kepada Perdana Menteri India, Puan Indira Gandhi supaya membebaskan 93,000 orang-orang tawanan perang Pakistan yang sedang ditawan di India sekarang ini.

**Tun Haji Abdul Razak:** ASEAN adalah sebuah pertubuhan yang bukan bercorak politik dan bertujuan untuk menggalakkan kerjasama serantau Asia Tenggara dalam bidang-bidang ekonomi, sosial dan kebudayaan.

Soal pembebasan 93,000 orang tawanan perang Pakistan itu adalah satu perkara politik yang berkaitan dengan satu daerah yang nyata terkeluar dari rantau Asia Tenggara.

Oleh sebab yang demikian ASEAN tidak mempunyai kemampuan malahan ianya tidak ada apa-apa rancangan untuk menghantarkan satu Perutusan Rayuan ASEAN untuk tujuan seperti yang terfikir oleh Ahli Yang Berhormat itu.

**PERKECUALIAN ASIA TENGGARA**

**25. Dr Chen Man Hin** minta Menteri Luar Negeri menyatakan samada cadangan mengenai perkecualian Asia Tenggara telah

mendapat sokongan yang lebih besar menjadi kenyataan atau sudah kehilangan momentum, dan samada Amerika Syarikat dan Russia telah menunjukkan persetujuan mereka terhadap konsep ini.

**Tun Haji Abdul Razak:** Cadangan perkecualian Asia Tenggara telahpun mendapat sokongan yang kini sedang meningkat daripada beberapa buah negara Perancis, Jerman Barat, Jerman Timur, Britain, Austria, Poland, India, Australia dan New Zealand adalah di antara negara-negara yang telah menyokong konsep ini. Negara-negara berkecuali di Mesyuarat Menteri-menteri Luar di Guyana pada bulan Ogos tahun lalu telah menyatakan persetujuan mereka kepada Pengistiharan Kuala Lumpur.

Ahli Yang Berhormat mungkin tidak mengetahui tetapi pada masa ini satu Jawatankuasa Pegawai-pegawai Kanan ASEAN sedang menyelidiki perkara ini. Jawatankuasa ini telah mengadakan beberapa mesyuarat dan kemajuan sedang pun dicapai oleh Jawatankuasa ini untuk membentuk satu rangka kerja bagi Kawasan Aman, Bebas dan Berkecuali.

Kuasa-kuasa besar belum lagi diminta secara rasmi, untuk memberi sokongan terhadap cadangan itu, akan tetapi, kenyataan-kenyataan oleh Republik Rakyat Cina, Amerika Syarikat dan Russia sepertimana ternyata dalam Communique-communicue selepas lawatan Presiden Nixon ke Republik Rakyat Cina dan selepas sidang kemuncak Nixon-Brezhnev baru-baru ini, yang menyatakan mereka tidak hajatkan "hegemony" adalah menggalakkan dan selaras dengan cita-cita konsep perkecualian.

#### KENAIKAN SARA HIDUP

**26. Tuan Peter Paul Dason** minta Perdana Menteri menyatakan samada Kerajaan sedar yang taraf hidup berjuta-juta penduduk yang tidak berada dan pemakan-pemakan gaji di negara kita telah turun kerana kenaikan sara hidup baru-baru ini.

**Perdana Menteri:** Kerajaan memang sedar bahawa perbelanjaan hidup telah naik dan Kerajaan telahpun dan sedang mengambil segala tindakan bagi mengawal perkara ini.

#### PRIVY COUNCIL—RAYUAN

**27. Tuan Mustapha bin Hussain** minta Menteri Luar Negeri menyatakan samada Kerajaan, dalam mengembangkan konsep Pengecualian Asia Tenggara, bercadang mengadakan satu Mahkamah Rayuan Tinggi antara negara-negara ASEAN untuk mengambillah semua rayuan-rayuan yang sekarang ini dibuat kepada Privy Council; jika tidak, bilakah Kerajaan akan memansuhkan perhubungan dengan Privy Council supaya kedaulatan kita tidak diserahkan kepada negara asing.

**Tun Haji Abdul Razak:** Kerajaan berpuas hati dan saya percaya orang ramai pun berpuas hati dengan sistem sekarang yang membolehkan rayuan sampai ke Privy Council. Peraturan ini tidak sekali-kali bermakna kedaulatan negara kita terjejas, kerana kita sendiri, secara bebas, telah memilihnya sebagai sistem yang adil dan sesuai bagi kita dalam keadaan sekarang.

Pada masa ini tidak ada apa-apa rancangan untuk mengubah peraturan ini, akan tetapi ini tidaklah bermakna sebuah Mahkamah Rayuan serantau tidak patut ditubuhkan sekiranya difikirkan mahkamah seperti itu lebih sesuai. Walaubagaimanapun, suka saya nyatakan bahawa cadangan itu mungkin sukar untuk dilaksanakan kerana terdapat berbagai sistem undang-undang yang berlainan di negara-negara ASEAN.

#### HARGA BERAS

**28. Tuan Haji Shafie bin Abdullah** minta Perdana Menteri menyatakan memandang kepada kenaikan harga beras dan lain-lain barang keperluan, samada Kerajaan berpuas-hati dengan pengurusan dan pentadbiran Lembaga Padi dan Beras Negara dan bagaimanakah orang-orang miskin pula yang terpaksa memikul beban ini.

**Perdana Menteri:** Kenaikan harga beras dan lain-lain barang keperluan adalah disebabkan oleh perkara-perkara yang tertentu seperti yang telah saya sebutkan tadi, dan bukanlah disebabkan oleh pengurusan atau pentadbiran Lembaga Padi dan Beras Negara.

Untuk menolong orang-orang yang miskin, Kerajaan telah menjual beras Stockpilenya melalui Lembaga Padi dan Beras Negara

dengan harga yang lebih rendah dari harga pasaran terbuka. Kerajaan juga telah mengadakan subsidi bagi beras yang diimport seperti beras Cina iaitu sebanyak 50 sen bagi tiap-tiap segantang. Jumlah subsidi bagi beras import dianggarkan sebanyak \$13.8 juta.

#### REPUBLIK RAKYAT CINA— IKTIRAF

**29. Tuan Hor Cheok Foon** minta Menteri Luar Negeri menyatakan samada soalan pengiktirafan Republik Rakyat Cina adalah sebahagian daripada dasar perkecualian Wilayah Asia Tenggara; jika ya, nyatakan samada Malaysia telah mengambil inisiatif untuk menubuhkan perhubungan diplomatik dengan Republik Rakyat Cina bersama dengan negara-negara ASEAN yang lain.

**Tun Haji Abdul Razak:** Soalan mengiktiraf Republik Rakyat Cina adalah masalah bagi tiap-tiap negara untuk memutuskan sendiri oleh sebab ianya melibatkan perhubungan bilateral dan tiap-tiap negara ada kesulitan yang tersendiri. Malaysia bagi pihaknya sendiri, seperti yang telah saya umumkan, telahpun mengambil inisiatif memulakan perbincangan bertujuan menubuhkan perhubungan diplomatik. Dalam soal perkecualian Asia Tenggara, adalah dipersetujui bahawa pengiktirafan serta penerimaan oleh Republik Rakyat Cina terhadap Kawasan Aman, Bebas dan Berkecuali adalah perlu untuk kejayaannya, tetapi setakat ini tidak ada persetujuan yang menyatakan penubuhan perhubungan diplomatik dengan Republik Rakyat Cina adalah satu syarat termesti.

#### TUNTUTAN FILIPINA KE ATAS SABAH

**30. Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Panglima Abdullah** minta Menteri Luar Negeri menyatakan kedudukan tuntutan Kerajaan Filipina ke atas Sabah sekarang dan adakah perkara ini pernah dirundingkan dalam mesyuarat ASEAN.

**Tun Haji Abdul Razak:** Kerajaan Filipina masih lagi berpegang kepada tuntutan mereka ke atas Sabah dan adalah menjadi pendirian kita untuk menolak tuntutan tersebut. Perkara ini tidak pernah dirundingkan dalam mesyuarat ASEAN.

#### HUBUNGAN DIPLOMATIK DENGAN CINA

**31. Dr Tan Chee Khoo** bertanya kepada Menteri Luar Negeri samada masanya sudah tiba untuk mengadakan perhubungan diplomatik dengan Republik Rakyat Cina, dan jika tidak, apakah pula rintangan-rintangan yang masih dihadapi lagi bagi mengadakan perhubungan diplomatik dengan Cina.

**Tun Haji Abdul Razak:** Seperti yang telah saya terangkan tadi, kita telah pun memulakan perbincangan secara rasmi dengan Republik Rakyat Cina berhubung dengan perhubungan diplomatik.

Pada ketika ini butir-butir lanjut belumlah dapat diumumkan.

#### BEKALAN AIR DENGAN SINGAPURA—PERJANJIAN

**32. Tuan Hor Cheok Foon** minta Perdana Menteri menyatakan dengan tegas samada Kerajaan Malaysia berniat hendak memutuskan perjanjian belakan air dengan Singapura.

**Perdana Menteri:** Nampaknya Ahli Yang Berhormat itu menaruh minat yang besar juga di atas hal-hal yang sepatutnya dikemukakan oleh negara-negara asing. Saya tidaklah mengetahui samada beliau telah diarahkan oleh pihak yang berkenaan bagi mengemukakan soalan ini di Parlimen.

Perjanjian bekalan air dengan Kerajaan Singapura adalah satu perkara di bawah urusan Kerajaan Negeri Johor. Kerajaan Malaysia tidak berniat hendak memutuskan perjanjian bekalan air dengan Singapura.

#### RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

#### RANG UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN (PINDAAN) (No. 2)

Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi meminda Perlembagaan Persekutuan untuk membuat peruntukan-peruntukan bagi penubuhan Wilayah Persekutuan, bagi pengumuman Ahli-ahli Dewan Rakyat mengikut Negeri-negeri dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam

Mesyuarat oleh Perdana Menteri; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan kali ini.

#### **RANG UNDANG-UNDANG LETRIK (PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi meminda Ordinan Letrik, 1949; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Kerja Raya dan Tenaga; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Mesyuarat kali ini.

#### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1972 dan 1973)**

Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1972 dan 1973 dan bagi memperuntukan wang itu bagi maksud-maksud yang tertentu; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Mesyuarat kali ini.

#### **RANG UNDANG-UNDANG (PERBELANJAAN MASUK AKAUN)**

Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun perkhidmatan yang berakhir pada tiga puluh satu hari bulan Disember, 1974; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Mesyuarat kali ini.

#### **RANG UNDANG-UNDANG BANK SIMPANAN PEJABAT POS (PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi meminda Ordinan Bank Simpanan Pejabat Pos, 1948; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Mesyuarat kali ini.

#### **RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN TEMPATAN (PERUNTUKAN-PERUNTUKAN SEMENTARA)**

Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi membuat peruntukan-peruntukan sementara berhubung dengan Kerajaan Tempatan di Malaysia Barat; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Mesyuarat kali ini.

#### **RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN TEMPATAN**

Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk memperbaiki dan menyatukan undang-undang berkaitan dengan Kerajaan Tempatan; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Mesyuarat akan datang.

#### **RANG UNDANG-UNDANG PENGAMBILAN TANAH (PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi meminda Akta Pengambilan Tanah, 1960; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri dengan Tugas-tugas Khas; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Mesyuarat kali ini.

#### **RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA PERKHIDMATAN (PINDAAN) (No. 2)**

Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi meminda Ordinan Suruhanjaya Perkhidmatan, 1957; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Mesyuarat kali ini.

#### **RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA PILIHANRAYA (PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi meminda Akta Suruhanjaya Pilihanraya, 1957; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh

Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG  
(PENCEN DAN GANJARAN)  
ANGGOTA PENTADBIRAN DAN AHLI  
PARLIMEN (PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi meminda Akta Pencen dan Ganjaran Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen, 1971; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG  
KUALITI ALAM SEKITAR**

Rang Undang-undang bernama suatu Akta berhubung dengan mencegah, menghapus, mengawal pencemaran dan membaiki alam sekeliling dan bagi maksud-maksud yang berkaitan; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Penerangan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Persidangan akan datang.

**RANG UNDANG-UNDANG  
BIRO SIASATAN NEGARA**

Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menubuhkan Biro Siasatan Negara (atau dalam bahasa Ingeris the National Bureau of Investigation), bagi memberi kuasa-kuasa kepada pegawai-pegawai Biro itu dan bagi membuat peruntukan-peruntukan yang berkenaan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Mesyuarat kali ini.

**USUL**

**AKTA KASTAM, 1967**

**Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 13), 1973**

**Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Haji Mohamed bin Yaacob):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi

kepadanya oleh seksyen kecil (2) dalam Seksyen II, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 13) 1973 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 38 tahun 1973 disahkan.

Perintah ini adalah untuk meminda cukai impot ke atas "Sensitised paper" yang terjatuh di bawah nombor kepala 37.03 110 daripada "20% atau 65 sen satu lb. yang mana lebih tinggi", kepada "20% atau \$1.20 satu lb. yang mana lebih tinggi." Ini adalah untuk memberikan perlindungan yang lebih berkesan lagi kepada perusahaan tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri dan Timbalan Menteri Pertahanan (Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh seksyen-kecil (2) dalam Seksyen II, Akta Kastam, 1967, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 13), 1973 yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Undang-undang No. ST. 38 tahun 1973 disahkan.

**USUL**

**RANG UNDANG-UNDANG  
PERLEMBAGAAN (PINDAAN) (No. 2)**

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa walaupun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 48, Majlis ini hendaklah terus menimbang pada bacaan kali yang kedua dan ketiga atas Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) hari ini.

**Timbalan Perdana Menteri (Tun Dr Ismail Al-Haj):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa walaupun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 48, Majlis ini hendaklah terus menimbang pada bacaan kali yang kedua dan ketiga atas Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) hari ini.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN (PINDAAN) (No. 2)

#### Bacaan Kali Yang Kedua

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini dibaca bagi kali yang kedua.

Ahli-ahli Yang Berhormat mungkin ingat bahawa dalam Sidang Dewan yang baru lalu Akta Perlembagaan (Pindaan), 1973, telah diluluskan meminda Jadual Kelapan kepada Perlembagaan Persekutuan bagi maksud membolehkan Dewan Negeri Selangor meminda takrif "Negeri" dalam Perlembagaan Negeri Selangor mengikut keputusan lebih-suara.

Sebagaimana saya telah terangkan kepada Dewan ini pada masa itu, pindaan kepada Jadual Kelapan Perlembagaan Persekutuan ialah langkah pertama yang perlu dalam proses undang-undang bagi melaksanakan penubuhan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kemudian daripada itu, Dewan Negeri Selangor telah meluluskan Enakmen Selangor untuk mematuhi peruntukan Akta Perlembagaan (Pindaan) 1973 itu.

Sebagaimana saya telah juga terangkan pada masa itu, mengikut kehendak-kehendak Perkara 2 Perlembagaan Persekutuan, Majlis Raja-raja kenalah juga memberi persetujuan terhadap kelulusan suatu undang-undang Persekutuan untuk mengubah sempadan-sempadan Negeri Selangor dan juga terhadap peruntukan-peruntukan lain dalam undang-undang itu berhubung dengan pemindahan bidangkuasa dan kedaulatan Raja Negeri Selangor. Saya juga suka hendak memberitahu Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja telahpun memberi persetujuan Baginda-baginda dalam Majlis Raja-raja yang diadakan baru-baru ini.

Selain daripada yang tersebut di atas tadi, Perkara 2 Perlembagaan Persekutuan adalah

juga menghendaki Dewan Negeri Selangor membenarkan melalui undang-undang Negeri itu supaya undang-undang Persekutuan itu diluluskan. Kebenaran ini melalui undang-undang Negeri Selangor telah juga diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Selangor dalam mesyuaratnya yang diadakan baru-baru ini. Pendeknya, saya sukalah hendak memberitahu Dewan ini bahawa segala kehendak Perkara 2 Perlembagaan Persekutuan telahpun dipatuhi supaya Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) (No. 2), 1973 yang ada sekarang ini di hadapan kita diluluskan.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, apabila membaca Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita, Rang Undang-undang ini bukanlah sahaja mengandungi peruntukan-peruntukan berhubung dengan penubuhan Wilayah Persekutuan bahkan juga mengandungi peruntukan-peruntukan berhubung dengan pindaan kepada Perkara 46 Perlembagaan. Kerajaan berpendapat mengambil peluang ini untuk meminda Perkara 46 Perlembagaan bagi maksud menyusun semula keanggotaan Dewan Rakyat dengan cara pengutukan-pengutukan mengikut Negeri-negeri di Semenanjung Malaysia. Semenjak Hari Malaysia, bilangan ahli-ahli Dewan Rakyat dari Sabah dan Sarawak adalah menurut pengutukan mengikut negeri-negeri—seperti yang ditentukan dalam Perkara 46 (2) yang sedia ada dalam Perlembagaan. Angka yang diutukkan bagi Sabah dan Sarawak telah ditetapkan melalui perundingan dan oleh yang demikian tidaklah berasaskan bilangan penduduk-penduduk. Adalah didapati dari Suruhanjaya Cobbold bahawa "potential" Negeri-negeri Borneo telah juga ditimbangkan bagi menentukan angka itu. Di bawah perkara 46 yang sedia ada itu, bilangan Ahli-ahli Dewan Rakyat bagi tiap-tiap satu Negeri di Semenanjung Malaysia akan ditentukan mengikut prinsip-prinsip yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga belas kepada Perlembagaan. Ini adalah diperuntukkan dalam Perkara 116 (1) dan (2) yang sedia ada yang menyatakan bahawa:

"116. (1) Bagi memilih ahli-ahli Dewan Rakyat, sesuatu yunit ulangkaji hendaklah dibahagi kepada beberapa kawasan pilihan-raja mengikut peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam Jadual Ketiga belas.

(2) Jumlah bilangan kawasan pilihanraya hendaklah sama dengan bilangan ahli-ahli supaya seorang ahli dipilih bagi tiap-tiap satu kawasan pilihanraya, dan daripada jumlah bilangan kawasan pilihanraya dalam Negeri-negeri Tanah Melayu itu sebilangan yang ditetapkan mengikut peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam Jadual Ketiga belas hendaklah diuntukkan bagi tiap-tiap satu Negeri."

Prinsip-prinsip yang diikuti bagi menentukan bilangan itu di bawah peruntukan-peruntukan yang sedia ada itu adalah dinyatakan dalam seksyen 2 Bahagian 1 Jadual Ketiga belas.

